

# HUBUNGAN ANTARA KERJA RUMAH DENGAN PENCAPAIAN AKADEMIK DALAM KALANGAN PELAJAR SEKOLAH KEBANGSAAN

Yeo Kee Jiar & Arbayah Binti Yahya  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi

**Abstrak:** Kerja rumah sudah sinonim dengan kehidupan pelajar-pelajar di Malaysia. Kerja rumah memenuhi sebahagian besar kehidupan para pelajar di sekolah rendah, menengah dan menengah atas. Walaupun terdapat banyak laporan dalam akhbar yang mendakwa bahawa pelajar dibebani terlalu banyak kerja rumah, namun kerja rumah terus menjadi suatu amalan biasa kerana kerja rumah terbukti menyumbang terhadap pencapaian akademik. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara kerja rumah dengan pencapaian bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar sekolah kebangsaan. Dalam konteks kajian ini, tiga pembolehubah tidak bersandar telah dikaji iaitu masa yang diperuntukkan bagi menyiapkan kerja rumah, jenis kerja rumah dan cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah. Seramai 100 orang pelajar tahun lima dari tiga buah sekolah di sekitar Skudai, Johor telah diambil sebagai sampel kajian. Kajian ini dijalankan berpandukan kaedah tinjauan secara soal selidik. Semua data diproses dengan Statistical Packages for Social Sciences (SPSS). Analisis data dibahagikan kepada dua bahagian: deskriptif (melibatkan frekuensi dan peratus) dan inferensi (melibatkan Pearson Correlation Coefficient). Daripada data yang diperolehi, penyelidik mendapati bahawa secara keseluruhannya tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dan cara pengelolaan kerja rumah dengan pencapaian bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris. Namun begitu, terdapat juga hubungan yang signifikan antara jenis kerja rumah (penerokaan) dengan pencapaian bagi mata pelajaran Matematik. Implikasi dan cadangan tentang kajian dibincangkan pada akhir kajian ini.

**Abstract:** Homework is synonymous to students' life in Malaysia. It has a large portion of students' lives in primary, secondary and high schools. Even though there are numerous reports in the press claiming that children receive excessive homework, but it continues to be practiced because homework is related to achievement. The aim of this study was to investigate the relationship between homework and achievement in Mathematics and English among primary school students. Three independent variables were involved in this study, namely time spent on homework, types of homework and teacher's administration. The sample of this study consists of 100 standard five students from three primary schools in Skudai, Johor. The data on students' achievement in Mathematics and English was collected using questionnaire method and processed using Statistical Packages for Social Sciences (SPSS). Data analysis was divided into two parts: descriptive (which involved frequency and percentage) and inference (which involved Pearson Coefficient). From the result of the study, it is found that there is no significant relationship between time spent on homework and teachers' administration on homework with the students' achievement. However there was one factor showing significant correlation between achievements in Mathematics with homework, which is type of homework based on exploration. Various implication and suggestion were discussed at the end of the study.

*Katakunci:* bahasa inggeris, Kerja rumah, matematik

## Pengenalan

Kerja rumah boleh dianggap sebagai persediaan pelajar-pelajar untuk menghadapi pelajaran yang sukar dilaksanakan di dalam kelas. Pelajar-pelajar juga berpeluang untuk membuat latihan yang banyak dan dengan itu dapat mengukuhkan pelajaran yang dipelajari. Oleh yang demikian, pengkaji mengambil

inisiatif ini untuk mengkaji hubungan antara kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar tahun Lima.

### **Penyataan Masalah**

Antara faktor yang menentukan tahap pencapaian pelajar ialah cara dan kaedah pembelajaran, iaitu pengaplikasian kerja rumah di dalam proses pembelajaran mereka. Beberapa kajian yang berkaitan dengan amalan kerja rumah sebagai satu proses pengajaran dan pembelajaran telah dijalankan. Antaranya kajian yang menunjukkan bahawa jumlah masa yang digunakan masih lagi di tahap yang rendah. National Commission on Excellence in Education (1983). "A Nation at Risk." Amerika Syarikat, melaporkan pandangan tentang cara untuk mengatasi krisis dan cabaran dalam pendidikan. Laporan ini ada menyebut, pelajar-pelajar di sekolah menggunakan masa kurang daripada satu jam sehari untuk tujuan menyiapkan kerja rumah.

Maka, National Commission on Excellent Education telah mencadangkan agar amalan kerja rumah ditambah daripada yang telah sedia ada. Pada tahun 1986, kajian yang telah dijalankan oleh United States Department of Education telah menyebut dan mencadangkan perkara yang sama.

Namun begitu, lain pula kisahnya di Malaysia, terdapat beberapa isu timbul mengenai pemberian kerja rumah yang membebankan kepada pelajar. Isu ini telah hangat diperkatakan dalam kalangan ibu bapa. Golongan guru dipersalahkan kerana tidak bijak mengelolakan pemberian kerja rumah dengan memberikan kerja rumah dalam amalan yang banyak sehingga membebankan pelajar. Sebenarnya isu ini tidak patut diketengahkan hanya kerana terdapat segolongan ibu bapa yang tidak memahami situasi dan perkembangan pendidikan masa kini. Apa yang dilakukan oleh guru adalah demi kepentingan pelajar dan memastikan pelajar-pelajar tersebut mendapat pencapaian yang cemerlang.

Berdasarkan kajian dan isu semasa yang dibincangkan di atas, maka wajarlah lebih kajian dijalankan terhadap kerja rumah. Maka dengan itu, pengkaji telah mengenal pasti tiga pemboleh ubah yang berkaitan dengan kerja rumah iaitu peruntukan masa, jenis kerja rumah dan pengelolaan guru terhadap kerja rumah dapat mempengaruhi pencapaian pelajar. Kajian ini akan dijalankan terhadap mata pelajaran Matematik kerana mata pelajaran ini melibatkan jumlah pemberian kerja rumah yang banyak dan kerap. Pembelajaran Matematik juga menekankan pengiraan, analisis dan sintesis dan ini menjadi salah satu faktor penting kerana mudah untuk membuat semakan.

Selain itu, kajian ini juga akan dijalankan ke atas mata pelajaran Bahasa Inggeris kerana mata pelajaran Bahasa Inggeris melibatkan kerja rumah seperti aktiviti membaca, menulis, mengeja, tatabahasa dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan (Epstein et al., 2004). Oleh itu kajian perlu dijalankan untuk mengenalpasti keberkesanaan pemberian kerja rumah mata pelajaran Bahasa Inggeris terhadap pencapaian pelajar.

### **Objektif Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti hubungan antara kerja rumah bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris dengan pencapaian pelajar tahun Lima di sekolah kebangsaan. Objektif khusus kajian ini adalah:

- i) Mengetahui hubungan antara peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.
- ii) Mengetahui hubungan antara kerja rumah jenis ulangkaji dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.

iii) Mengenal pasti hubungan antara kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.

iv) Mengenal pasti hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (semasa kerja rumah diberikan) dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.

v) Mengenal pasti hubungan antara cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah (selepas kerja rumah deiberikan) dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan bahasa Inggeris.

### **Kepentingan Kajian**

Pencapaian akademik sering menjadi perhatian masyarakat di negara ini kerana ia merupakan salah satu isu penting sama ada di peringkat rendah, menengah atau pengajian tinggi. Justeru pelajar yang rendah pencapaiannya sering di katakana mempunyai masalah di dalam pelajaran mereka. Banyak faktor yang dikaitkan dengan masalah ini. Oleh itu, kajian ini akan memberi satu perspektif kepada salah satu kaedah pembelajaran iaitu kerja rumah.

Maklumat ini penting kepada pihak guru, kerana ianya dapat digunakan untuk melihat kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru selepas waktu persekolahan pelajar. Dengan itu, guru akan dapat membuat penilaian apakah situasi yang menyebabkan pelajar kurang mencapai keputusan yang cemerlang di dalam mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris. Dapat juga dijadikan panduan kepada guru-guru untuk mengenalpasti kekuatan dan kelemahan di dalam pengajaran mereka, terutamanya dari segi pemberian kerja rumah. Menilai keberkesanan memperbaiki kelemahan dan mempertingkatkan lagi kualiti pembelajaran dan pengajaran melalui kerja rumah pada masa akan datang.

Kajian ini juga mempunyai kepentingan terhadap pelajar kerana kadangkala pelajar itu sendiri tidak mengetahui apakah masalah yang menyebabkan mereka kurang menguasai mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris. Di dalam kajian ini, pelajar akan dapat mengetahui penggunaan masa ketika membuat kerja rumah dan jenis-jenis kerja rumah yang berkesan. Dengan adanya kajian ini penyelidik berharap agar pelajar boleh mengambil inisiatif dan panduan mengaplikasikan kerja rumah dengan lebih efektif dan berkesan bagi mendapat keputusan yang cemerlang.

Maklumat daripada kajian ini juga akan dapat digunakan oleh pihak pengurusan sekolah sebagai garis panduan dalam merencana dan merangka sesuatu rancangan yang sewajarnya untuk meningkatkan pencapaian pelajar melalui pengamalan membuat kerja rumah di samping mengekalkan aspek-aspek yang mendatangkan kebaikan.

Pihak tertinggi dalam segala aspek pendidikan Negara adalah di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Maka itu, adalah menjadi tanggungjawab pihak kementerian untuk menjadikan hasil kajian ini sebagai rujukan dalam proses meningkatkan pencapaian pelajar. Menerusi hasil kajian ini, kementerian boleh menimbang semula untuk mengkaji dan menyusun semula sukatan pelajaran yang sedia ada terutamanya dari segi pemberian kerja rumah kepada pelajar.

Setiap ibu bapa sentiasa berharap agar pelajar dapat menjadi seorang yang berguna dan berjaya di dalam pelajaran. Oleh itu, hasil kajian ini amat penting kepada ibu bapa. Dengan adanya hasil kajian ini dapat memberikan penjelasan kepada ibu bapa kepentingan pemberian kerja rumah terhadap pelajar dan sekaligus menyedari kepentingan mereka melibatkan diri di dalam proses pembelajaran pelajar di rumah.

## **Metodologi**

### **Subjek Kajian**

Subjek kajian menerangkan tentang populasi, sampel kajian dan instrument kajian.

### **Populasi**

Saiz sampel yang besar boleh meninggikan kesahan dan kebolehpercayaan skor yang lebih memantapkan kajian. (Mohd Najib Abdul Ghafar, 1999). Namun demikian, penyelidik hanya mengambil tiga buah sekolah kebangsaan untuk dijadikan sampel kajian memandangkan saiz sampel yang besar memerlukan kos yang tinggi dan tenaga pengkaji yang banyak.

Tiga buah sekolah yang dipilih untuk mewakili Sekolah Kebangsaan ialah Sekolah Kebangsaan Sri Pulai, Sekolah Kebangsaan Sri Skudai dan Sekolah Kebangsaan Batu 10.

### **Sampel Kajian**

Sampel kajian di pilih melalui kaedah persampelan rawak berkelompok. Sampel kajian terdiri daripada 100 orang pelajar tahun Lima yang dipilih dari tiga buah sekolah kebangsaan di sekitar Skudai, Johor. Sampel ini dipilih dari kalangan pelajar yang telah mempelajari mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris tahun Empat. Seramai 32 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Taman Sri Pulai, 36 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Sri Skudai dan 32 orang pelajar dari Sekolah Kebangsaan Batu 10 telah dipilih untuk menjadi bahan kajian.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen berbentuk soal selidik merupakan cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden (Tuckman, 1978). Penggunaan instrument berbentuk soal selidik adalah amat berkesan jika ia disediakan dengan baik dan mempunyai item-item yang konsisten dan boleh dipercayai. Dalam keadaan masa dan kos yang terhad, ia merupakan cara yang paling sesuai digunakan. Dengan menggunakan soal selidik juga responden tidak perlu menulis nama dan ini memungkinkan mereka menjawab dengan jujur (Cockburn, 1996). Pembinaan soal selidik ini telah dilakukan berdasarkan beberapa andaian yang telah dicadangkan oleh Woolfok (2007) iaitu:

- i. Responden mudah membaca dan memahami item-item soal selidik
- ii. Responden mempunyai pengetahuan atau pengalaman yang mencukupi untuk menjawab item-item dalam soal selidik
- iii. Responden menjawab soal selidik secara suka rela dan ikhlas

Penggunaan soal selidik tertutup adalah baik kerana ia tidak memerlukan subjek berfikir atau melahirkan idea-idea baru terhadap sesuatu soalan (Kerlinger, 1986). Datadata yang diperolehi juga akan disusun secara teratur, jelas dan seterusnya dapatan dianalisis daripada jawapan yang diberikan untuk ditafsirkan dengan lebih berkesan. Soal selidik dalam bahagian ini dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu :

BAHAGIAN A : Latar belakang responden

BAHAGIAN B : Soal selidik mengenai peruntukan masa, jenis kerja sekolah dan cara pengelolaan guru

## **Bahagian A: Soal Selidik Latar Belakang Responden**

Bahagian ini mengandungi item-item yang berkaitan dengan faktor demografi iaitu jantina, bangsa, jenis sekolah, dan prestasi akademik. Responden perlu menjawab dengan menandakan (✓) pada ruangan yang disediakan mengikut kesesuaian maklumat yang ada dan menyatakan maklumat yang diperlukan. Kaedah ini mampu memberikan maklumat tepat yang dikehendaki (Borg dan Gall, 1983).

## **Bahagian B: Soal Selidik Mengenai Peruntukan Masa, Jenis Kerja Sekolah dan Cara Pengelolaan Guru**

Bahagian B ialah soal selidik tentang jumlah masa yang diperuntukan oleh pelajar ketika menyiapkan kerja sekolah Matematik. Kajian Bennett (1982) menyatakan, terdapat hubungan atau perkaitan yang positif antara jumlah penggunaan masa oleh pelajar di dalam menyiapkan tugas kurikulum dengan pencapaian akademik mereka. Bahagian ini juga mengkaji jenis kerja rumah yang diaplikasikan oleh pelajar-pelajar di tahap sekolah rendah. Selain daripada itu, cara pengelolaan guru juga diselidik. Bagi memastikan kerja rumah itu berkesan adalah perlu bagi seseorang guru itu merancang dengan teliti, dan memastikan kerja rumah itu memberi kesan positif dan seterusnya membolehkan pelajar mereka faham apa yang mereka ajar dan sekaligus mendapat keputusan yang cemerlang.

- 1 Sangat tidak setuju
- 2 Tidak setuju
- 3 Tidak pasti
- 4 Setuju
- 5 Sangat setuju

## **Kajian Rintis**

Menurut Polit et al. (2001), kajian rintis adalah merujuk kepada versi kajian kecil atau percubaan yang dilakukan sebagai persediaan untuk kajian yang lebih besar atau utama. Kajian rintis dapat membantu penyelidik memperoleh petunjuk awal tentang mana-mana bahagian kajian yang mungkin tidak tepat atau gagal. Ianya juga membolehkan penyelidik mengenal pasti sebarang kekurangan dalam instrumen kajian dan seterusnya memperbaiki kelemahan tersebut.

Kajian rintis ini telah dijalankan bagi menentukan kebolehpercayaan soal selidik. Seramai 40 orang pelajar Tahun Lima yang telah dipilih telah digunakan untuk menguji sama ada mereka dapat memahami item-item yang digunakan dalam soal selidik yang telah diterjemahkan. Kajian rintis telah dijalankan pada 12 Ogos 2007.

Menurut Mohd Najib (2003), indeks kebolehpercayaan yang melebihi alpha Cronbach 0.8 boleh dianggap mencukupi dan boleh digunakan.

## **Keputusan**

### **Analisis Demografi dari segi Peruntukan Masa oleh Responden untuk Menyiapkan Kerja Rumah Matematik, dan Bahasa Inggeris**

Jumlah peruntukan masa responden dalam tempoh seminggu bagi menyiapkan kerja rumah Matematik dan Bahasa Inggeris adalah berbeza antara satu sama lain Untuk mengukur jumlah peruntukan masa tersebut, pengkaji telah membahagikan data masa ke dalam empat kategori iaitu kurang daripada satu jam, satu hingga dua jam, dua hingga tiga jam dan lebih daripada tiga jam. Taburan peruntukan masa

responden dalam tempoh seminggu bagi menyiapkan kerja rumah Matematik, dan Bahasa Inggeris adalah seperti berikut:

**Jadual 1:** Kekerapan dan Peratusan peruntukan masa responden menyiapkan kerja rumah dalam tempoh seminggu bagi mata pelajaran Matematik, dan Bahasa Inggeris.

Masa (jam)	Matematik		Bahasa Inggeris	
	Kekerapan	Peratusan	Kekerapan	Peratusan
Kurang daripada 1	15	15.0	25	25.0
1-2	31	31.0	38	38.0
2-3	15	15.0	13	13.0
Lebih daripada 3	39	39.0	24	24.0
<b>Jumlah</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>	<b>100</b>	<b>100.0</b>

Bagi mata pelajaran Matematik, kekerapan tertinggi responden memperuntukkan masa adalah lebih daripada tiga jam iaitu seramai 39 orang responden (39.0 peratus), diikuti oleh peruntukan masa antara satu hingga dua jam melibatkan seramai 31 orang responden (31.0 peratus). Manakala kekerapan tertinggi responden memperuntukkan masa bagi menyelesaikan kerja rumah Bahasa Inggeris adalah antara satu jam hingga dua jam sebanyak 38 orang responden (38.0 peratus), diikuti peruntukan masa kurang daripada satu jam melibatkan 25 orang responden (25.0 peratus)

### Perbincangan

#### Hubungan antara Peruntukan Masa Menyiapkan Kerja Rumah dengan Pencapaian Matematik dan Bahasa Inggeris

Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara peruntukan masa dalam menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian pelajar bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris. Keputusan ini adalah sejajar dengan hasil kajian yang dijalankan oleh TIMSS (1997). Kajian tersebut mendapati bahawa peruntukan masa bagi menyiapkan kerja rumah tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar mahupun meningkatkan pencapaian akademik mereka. Ini menunjukkan bahawa jumlah masa yang terlalu panjang ketika menyelesaikan sesuatu kerja rumah tidak memberi motivasi atau kesan baik kepada pelajar, malahan menimbulkan permasalahan dari segi motivasi dan pemahaman pelajar.

Kajian yang dilakukan oleh PISA (2000) menunjukkan bahawa hubungan yang signifikan boleh diperoleh di antara peruntukan masa bagi menyiapkan kerja rumah dengan pencapaian pelajar pada peringkat sekolah tetapi mempunyai hubungan yang negatif di peringkat individu. PISA juga mengenalpasti terdapat beberapa pembolehubah yang perlu dikawal semasa mengkaji hubungan antara peruntukan masa bagi kerja rumah dengan pencapaian pelajar iaitu pengetahuan sedia ada pelajar, asas kognitif pelajar, dan juga perbezaan kualiti sekolah yang terlibat. Pembolehubah tersebut memberi kesan kepada hubungan antara peruntukan masa dalam kerja rumah dengan pencapaian pelajar.

Pelajar yang mempunyai kebolehan kognitif yang rendah atau pencapaian sebelumnya yang rendah adalah memerlukan masa yang banyak untuk menyiapkan kerja rumah Matematik berbanding dengan pelajar yang memiliki kebolehan kognitif atau pencapaian sebelumnya yang tinggi (De Jong, Westerhof dan Creemers 2000, Epstein dan Van Voornis, 2001). Peruntukan masa yang terlalu panjang akan

membuatkan kerja rumah menjadi tidak efisien, dan tidak memotivasikan pelajar. Kebolehpercayaan peruntukan masa terhadap kerjarumah juga telah dipersoalkan keberkesanannya. (Trautwein et al, 2002).

Kajian yang mendapati hubungan positif antara kerja rumah dengan pencapaian mungkin adalah disebabkan oleh pembolehubah-pembolehubah yang lain seperti tahap kursus, kualiti sekolah atau jantina (Trautwein & Köller 2003). Sebagai contohnya, pelajar yang mempelajari mata pelajaran Matematik Tambahan akan memperuntukkan masa yang banyak dalam kerja rumah Matematik berbanding dengan pelajar yang hanya mempelajari Matematik biasa sahaja (Keith 1982). Begitu juga dengan pelajar yang menuntut di sekolah elit memperoleh jumlah kerja rumah Matematik yang banyak dan menyebabkan pelajar memperuntukkan masa yang lebih banyak berbanding dengan pelajar di sekolah biasa. Pelajar perempuan biasanya dikaitkan dengan pencapaian yang tinggi disebabkan minat untuk belajar yang tinggi dan berdisiplin (Duckworth & Seligman, 2006).

Senario yang sama berlaku terhadap kajian hubungan antara kerja rumah Bahasa Inggeris dengan pencapaian. Namun begitu, dapatan kajian ini adalah bercanggah dengan kebanyakan sumber dan kajian yang menunjukkan peruntukan masa pelajar menyiapkan kerja rumah adalah berhubungan positif dengan pencapaian pelajar dalam Bahasa Inggeris. Ini termasuk kajian yang dijalankan terhadap lebih kurang 200 sekolah Alberta yang melibatkan 1500 orang pelajar pada tahun 2002, kajian yang dijalankan dalam Boston Public Schools (BPS) dan juga sumber daripada data National Assessment of Educational Progress (NAEP).

Percanggahan tersebut adalah mungkin disebabkan pelajar yang telah mahir dalam Bahasa Inggeris akan sentiasa memperuntukkan masa yang sedikit menyiapkan kerja rumah Bahasa Inggeris berbanding dengan pelajar yang lemah dalam mata pelajaran ini. Dengan kata lain, pelajar yang mahir dalam Bahasa Inggeris akan memperoleh pencapaian yang cemerlang walaupun peruntukan masa dalam kerja rumah adalah sedikit.

*U.S. Department of Education (USDE)* juga telah menyatakan bahawa bagi pelajar-pelajar di peringkat rendah atau di awal usia 7 hingga 12 tahun, memberi kerja rumah yang sedikit tetapi dalam kadar yang kerap adalah lebih baik daripada memberi kerja sekolah yang terlalu banyak dalam satu masa. Adalah penting untuk mengingat, belajar, dan membaca yang mana ianya sesuai untuk pelajar peringkat rendah diaplikasikan di dalam kerja sekolah mereka. Jumlah peruntukan masa pelajar akan meningkat dari masa ke masa mengikut peningkatan umur pelajar.

### **Hubungan antara Jenis Kerja Rumah dengan Pencapaian Matematik dan Bahasa Inggeris**

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa hubungan antara kerja rumah jenis ulangkaji dengan pencapaian bagi Matematik dan Bahasa Inggeris adalah tidak signifikan. Ini bermakna kerja rumah jenis ulangkaji adalah tidak berhubung kait dengan pencapaian bagi Matematik dan Bahasa Inggeris.

Dapatan kajian ini telah menyokong kajian yang dilakukan oleh Cooper (1989). Cooper menjalankan kajian mengenai kerja rumah berbentuk ulangkaji dan persediaan. Kajian menunjukkan bahawa kerja rumah berbentuk ulangkaji dan persediaan kurang memberi kesan terhadap perkembangan kognitif pelajar kerana kebanyakan kerja rumah tersebut berbentuk latihan sama yang berulang dan tidak membantu proses pembelajaran. Kerja rumah berbentuk latihan dan persediaan seharusnya mempengaruhi perkembangan kognitif pelajar kerana kerja rumah tersebut mencakupi bahan pembelajaran yang telah atau akan dipelajari di dalam kelas.

Kurang kajian yang dilakukan mengenai kerja rumah membuktikan bahawa jenis kerja rumah yang berbeza memberi kesan terhadap pencapaian pelajar. Penyataan ini dibuktikan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Cooper (1998) yang melaporkan bahawa tiada keputusan yang jelas berkaitan dengan

perbandingan antara kerja rumah jenis latihan dan juga jenis persediaan dengan pencapaian. Cooper mendapati bahawa jenis kerja rumah selalunya dikaji secara bebas dan tidak dikaitkan dengan pencapaian pelajar.

Hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara kerja rumah jenis penerokaan dengan pencapaian pelajar bagi Matematik, namun tidak pula menunjukkan hubungan yang signifikan dengan pencapaian Bahasa Inggeris. Dapatan ini disokong oleh Shihu & Jijian, (2004).

Kajian tersebut telah di jalankan terhadap 50 orang pelajar di Lanzhou dalam mata pelajaran Matematik. Hasil kajian menunjukkan kerja rumah berbentuk penerokaan dapat membantu pelajar untuk memperbaiki kemampuan mereka dalam pemikiran yang kreatif dan pelbagai, menghasilkan idea-idea yang inovatif, meningkatkan minat pelajar dalam mempelajari mata pelajaran Matematik dan membina tabiat meneroka di dalam diri pelajar itu sendiri.

Estyn et al, (2004) menyatakan apabila pelajar sudah meningkat usia, kerja rumah yang diberikan haruslah lebih mencabar dan menguji kebolehan dan pemikiran mereka. Ini dapat membina kaedah pembelajaran sendiri dan memberi pendedahan awal kepada mereka tentang kaedah pembelajaran di periangkat yang lebih tinggi. Antara kerja rumah yang boleh disediakan oleh guru adalah berbentuk pencarian maklumat yang berkaitan dengan pembelajaran, pembinaan model pembelajaran, membuat pembentangan di dalam kelas, dan aktiviti yang melibatkan pelajar berfikir secara kreatif dan kritis (Epstein et al, 1988).

Kerja rumah berbentuk penerokaan tidak mempunyai hubungan dengan pencapaian dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris kerana mata pelajaran ini lebih kepada penghafalan, membaca, menulis mengikut skema pelajaran yang telah diajar oleh guru. Ini membuatkan pelajar hanya menumpukan apa yang dipelajari di dalam kelas berbanding usaha lain seperti mencari maklumat yang berkaitan melalui internet ataupun sumber rujukan yang lain.

### **Hubungan antara Cara Pengelolaan Guru Terhadap Kerja Rumah dengan Pencapaian**

Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa adalah tiada hubungan yang signifikan antara cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) dengan pencapaian Matematik dan Bahasa Inggeris. Kajian mendapati bahawa cara pengelolaan guru terhadap kerja rumah tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian pelajar. Temuramah yang dilakukan kepada pelajar mendapati bahawa guru telah menyediakan jadual kerja rumah, tetapi tidak mematuhi sepenuhnya jadual tersebut. Guru tidak konsisten dalam proses pemberian kerja rumah hingga menyebabkan pelajar mengambil inisiatif tersendiri membuat latihan dalam buku rujukan. Bagi sesetengah pelajar yang bermasalah, mereka tidak bimbang jika kerja rumah mereka tidak siap, kerana mereka menyedari bahawa guru mereka tidak akan menyemak kerja rumah tersebut. Terdapat juga pelajar yang memberi komen bahawa kerja rumah yang diberikan oleh guru tidak relevan dengan pelajaran yang dipelajari.

Black, S. (1990) membuat kajian terhadap guru mengenai pemberian kerja rumah kepada pelajar. Hasil kajian menunjukkan guru berpendapat pemberian kerja rumah hanyalah untuk mengukuhkan pemahaman pelajar dengan apa yang telah dipelajari. Oleh sebab itu, guru hanya menyemak kerja rumah pelajar atas alasan mahu memastikan pelajar menyelesaikan tugas tersebut, bukannya untuk pemberian markah atau maklum balas kepada pelajar.

Guru seharusnya memberi kerja rumah mengikut kaedah yang tepat dan bersesuaian dengan kebolehan pelajar juga menghasilkan kesan positif ketika menyempurnakan kerja rumah tersebut. Kajian terhadap guru yang mengajar pelajar yang kurang upaya menemui 80 peratus guru memberi kerja rumah, tetapi



hanya sebilangan sahaja yang bersesuaian dengan kebolehan pelajar dan memperoleh keputusan yang memberangsangkan.

Pelajar perlu mendapat maklum balas daripada kerja rumah mereka, ini kerana pencapaian akan berpandukan maklum balas yang diberi oleh guru mereka (Walberg et al, 1985). Pemberian markah oleh guru sememangnya membantu, tetapi jika kerja rumah tersebut beserta dengan komen atau maklum balas yang membina oleh guru, ia akan mempunyai impak yang lebih baik dan bekasan terhadap pembelajaran pelajar.

## **Rumusan**

Beberapa rumusan dapat dibuat berdasarkan hasil kajian yang telah dijalankan seperti berikut:

i) Peruntukan masa menyiapkan kerja rumah Matematik dan Bahasa Inggeris didapati tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut

ii) Kerja rumah jenis ulangkaji bagi mata pelajaran Matematik dan Bahasa Inggeris dan kerja rumah penerokaan bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris didapati tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

iii) Sebaliknya, terdapat hubungan yang signifikan walaupun lemah antara kerja rumah penerokaan bagi mata pelajaran Matematik dengan pencapaian pelajar dengan indeks kolerasinya  $*0.046$ .

iv) Cara pengelolaan guru (semasa dan selepas kerja rumah diberikan) bagi Matematik dan Bahasa Inggeris didapati tidak menunjukkan sebarang hubungan dengan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran tersebut.

## **Rujukan**

Baumert et al., 1997; Beaton et al., (1996). *Third International Mathematics and Science Study TIMSS*

Bennett, N., (1982). *Time to teach: Aspects of Education*.

Black, S. (1990). *'Homework: the sixth day of instruction'*: ERS Spectrum.

Bloom, B.S. (1986). *The home environment and school learning: Study Group on the National Assessment of Student Achievement*.

Borg, W. R., & Gall M. D. (1983). *Educational research* (4th ed.). New York: Longman

Bryk, A. S., & Raudenbush, S. W. (1992). *Hierarchical linear models: Applications and data analysis methods*. Newbury Park, CA: Sage.

Cockburn, A. D. (1996). *Primary teachers' knowledge and acquisition of stress relieving strategies: The British Journal of Educational Psychology*.

Cooper, H. (1989). *Homework*. White Plains, NY: Longman.

Cooper, H., Lindsay, J., Nye, B., & Greathouse, S. (1998). *Relationships among attitudes about homework, amount of homework assigned and completed, and student achievement: Journal of Educational Psychology*.

- Cooper, H., & Valentine, J.C. (2001). *Using research to answer practical questions about homework*: Educational Psychologist.
- Cooper, H., (2001). *The Battle Over Homework*. Corwin Press Inc.
- Cooper, H., Robinson, J. C., & Patall, E. A. (2006). *Does homework improve academic achievement? A synthesis of research, 1987e2003*. Review of Educational Research.
- Corno, L., and Xu, J. Z. (1998). *Homework and Personal Responsibility*.
- De Jong, R., Westerhof, K. J., & Creemers, B. P. M. (2000). *Homework and student math achievement in junior high schools*: Educational Research and Evaluation.
- Duckworth, A. L., & Seligman, M. E. P. (2006). *Self-discipline gives girls the edge: gender in self-discipline, grades, and achievement test scores*: Journal of Educational Psychology.
- Estyn, Anchor Court, Keen Road, Cardiff (2004). *Homework in Primary School* : Buddsoddwr Publisher.
- Epstein, J. L., Van Voorhis, F. L., & Salinas, K. C. (2001). *Teachers Involve Parents Schoolwork (TIPS) Math Prototype Activities for Kindergarten*. Baltimore, MD
- Hattie, J., & Clinton, J. (2001). *The assessment of teachers*: Teaching Education.
- Harris, S. & Rudduck, J. (1994). *School's great – apart from the lessons*: HUGHES, M. (Ed).